

28 AUG 1999

Persatuan-Tumbuh

PERSATUAN PELABUR RAMAL PERTUMBUHAN 3.8 PERATUS TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Persatuan Pelabur Malaysia meramalkan pasaran lebih baik bagi ekonomi negara tahun ini berbanding yang dinyatakan kerajaan dengan mengunjurkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencapai 3.8 peratus menjelang akhir tahun.

Presidennya Dr PHS Lim berkata peningkatan keseluruhan ekonomi serantau yang sebelum ini terjejas dengan krisis kewangan dan pasaran Amerika Syarikat yang kukuh, menyumbang kepada pertumbuhan positif ini.

"Terdapat kemungkinan bagi Malaysia mempunyai pertumbuhan KDNK yang kukuh sekitar 3.8 peratus sepanjang tahun," katanya selepas menghadiri mesyuarat agung Koperasi Serbaguna Malaysia (KSM) di Wisma MCA, di sini hari ini.

Rabu lepas, Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman mengumumkan bahawa KDNK negara bagi suku kedua tahun ini meningkat 4.1 peratus selepas mengecut 1.3 peratus pada suku pertama.

Ali juga berkata hasilnya, Malaysia keluar dengan selesa daripada kemerosotan ekonomi tetapi mengekalkan ramalan pertumbuhan sebanyak satu peratus untuk tahun ini dan lima peratus tahun depan.

Untuk tahun depan Lim membuat unjuran ekonomi Malaysia akan terus tumbuh pada enam hingga tujuh peratus.

Katanya ekonomi akan mengalami pertumbuhan lebih baik menjelang Disember apabila penggunaan domestik semasa perayaan Krismas, Hari Raya dan Tahun Baru Cina memberikan perangsang yang diperlukan kepada sektor pembuatan.

Di sebalik unjuran yang positif ini, beliau mengingatkan bahawa ekonomi Malaysia masih rapuh terhadap ketidakstabilan di luar dan mendesak dunia supaya menerima gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk merombak struktur kewangan dunia.

Ditanya sama ada sudah tiba masanya bagi kerajaan melonggarkan kawalan modal, Lim berkata: "Buat masa ini kita mungkin memerlukan kawalan modal, tetapi jika ekonomi pulih, kerajaan mungkin akan menghapuskan terus kawalan modal."

Katanya orang luar tidak harus terlalu kritikal dengan kawalan modal negara kerana China, Chile, India dan Taiwan telah mengamalkan rejim dalam ekonomi mereka lama sebelum Malaysia lagi.

Lagi pun, Lim berkata beliau melihat kawalan kewangan yang dikenakan hanya sebagai langkah sementara dan apabila keadaan bertambah baik, sistem ekonomi yang liberal akan diamalkan semula.

Beliau juga berkata kadar faedah tahun depan akan naik kerana tahap sekarang "telahpun mencecah paling bawah."

-- BERNAMA

MHI RON